

Malaysia

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 12 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 39-100196
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan supaya dapat memantau pengeluaran Al-Quran palsu yang dikeluarkan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab di mana sesetengah ayat Al-Quran di dalamnya ditukar dengan ayat lain. Jika pengeluaran ini tidak dibendung dengan segera ia dapat memesongkan aqidah umat Islam terutamanya bagi mereka yang kurang arif tentang Al-Quran.
2. 17-100154
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mekanisme dan kaedah untuk memastikan nilai projek Kerajaan yang siap setanding dengan perbelanjaan peruntukan bagi projek tersebut untuk mencegah rasuah dan kebocoran, dan wang ringgit yang dibelanjakan itu dapat memberikan manfaat yang maksimum kepada rakyat.
3. 62-100606
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah rancangan susulan bagi pihak PDRM untuk menolak budaya rasuah dengan hanya memakai lencana "Saya ANTI Rasuah". Adakah pihak PDRM bersedia untuk memberi pengisian kepada anggota melalui latihan berstruktur yang bersandarkan Pelan Integriti Nasional.
4. 33-100045
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah pencapaian untuk menjadikan negara kita sebagai satu 'hub pendidikan' di rantau ini. Berapakah jumlah pelajar luar negara dan dari negara mana yang menunjukkan minat untuk belajar di negara kita serta anggaran kewangan bagi setiap pelajar.

5. 47-100319
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah badan yang bertanggungjawab memantau penyiaran stesen TV dan radio swasta. Apakah kod etika yang sama diguna pakai bagi stesen swasta dan RTM.
6. 77-100500
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada objektif untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum benar-benar telah tercapai selepas 30 tahun pelaksanaannya. Jika tidak tercapai apakah langkah-langkah untuk memastikan objektif ini tercapai.
7. 8-100629
Tuan Saravanan a/l Murugan minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah disusun atau diambil oleh Kementerian bagi memastikan masalah kekurangan murid di peringkat sekolah rendah dapat diatasi.
8. 81-100634
Puan Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda 'Kaedah Tata tertib' yang mana memudahkan kakitangan awam yang tidak menjalankan tugas dan melanggar disiplin dihukum atau dibuang kerja.
9. 56-100105
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah penagih dadah yang menggunakan kemudahan kondom dan jarum yang diberikan secara percuma dan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Kerajaan bagi melaksanakan program tersebut.
10. 67-100292
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah bentuk insentif yang akan digunakan Kementerian untuk mempercepatkan proses pengeluaran waran dan bil pembayaran projek-projek Kerajaan bagi RMK-9 memandangkan ia merupakan masalah utama di dalam pengurusan dana dan menyebabkan ramai di kalangan kontraktor yang bergantung kepadanya menghadapi masalah kewangan dan gulung tikar.
11. 29-100241
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk memberikan subsidi benih sawit kepada pekebun-pekebun kecil dan berapa banyakkannya subsidi yang diberi kepada setiap pekebun kecil dalam masa setahun.

12. 68-100307
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan yang perlu diambil oleh pihak Kerajaan agar orang awam akan lebih prihatin tentang insurans-insurans yang mereka tandatangani, yang mana terlalu banyak butir-butir yang tidak difahami terpaksa juga ditandatangani dan akhirnya menyebabkan mereka tidak boleh membuat tuntutan.
13. 59-100021
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan berapakah syarikat tempatan dan syarikat asing yang telah berdaftar dengan Kerajaan untuk menjalankan industri bio-teknologi dan apakah insentif yang diberikan kepada syarikat-syarikat tersebut.
14. 70-100057
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah benar kaedah teknologi tanaman padi menggunakan jentera atau Jentanam boleh menjimatkan kos dan mengurangkan ancaman siput gondang dan pembiakan sambau serta mampu mencapai sasaran 10 tan sehektar.
15. 21-100092
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian telah memberi ganti rugi kepada negeri Sabah dan Sarawak setiap tahun dan amaun kerugian hasil akibat penarikan balik hak untuk mengenakan duti eksais import ke atas barangan petroleum yang dijual di negeri tersebut.
16. 54-100085
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan sama ada aktiviti menghidu gam di Sarawak telah meningkat berbanding dengan tahun-tahun yang sebelumnya dan sama ada Kerajaan akan memberi lebih perhatian dan membanteras aktiviti ini sama seperti aktiviti membanteras dadah.
17. 69-100434
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab-sebab mengapakah Tabung Haji Plantation disenaraikan di dalam Bursa Malaysia.
18. 38-100340
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan para pelajar berikutan dasar pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa tersebut.

19. 7-100160
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan dasar (policy) pengendalian Beef Valley kerana Kerajaan pusat telah mengeluarkan berjuta-juta ringgit. Siapakah perunding bagi projek ini dan apakah latar belakang dan pengalaman beliau dalam bidang ternakan dan cara operasi Beef Valley.
20. 75-100586
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah strategi dan dasar yang perlu dirancang bagi memastikan imej, standard dan kualiti kolej dan universiti tempatan dapat dipertahan dan diperingkatkan tarafnya di peringkat antarabangsa dan nyatakan jumlah pelajar mengikut kaum yang sedang mengikuti pengajian tinggi di peringkat awam dan swasta dalam negara pada ketika ini.
21. 76-100515
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan tindakan-tindakan khusus yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan budaya membaca menjadi satu budaya pelajar-pelajar dari awal umur lagi. Apakah tindakan Kementerian untuk menggalakkan bacaan bermutu di kalangan para pelajar di negara ini.
22. 9-100401
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai dasar yang menetapkan supaya 30 peratus daripada permit import kesemua barangan diperuntukkan secara tetap kepada pengimport bumiputera bagi pencapaian Dasar Ekonomi Baru.
23. 60-100448
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) apakah langkah yang sudah diambil untuk mengatasi masalah 794 Sekolah Kebangsaan (SK) yang tidak mempunyai bekalan elektrik awam dan 1,555 buah sekolah yang tidak mempunyai bekalan air awam; dan
 - (b) berapakah jumlah kos yang terlibat dan bilakah ianya akan selesai dilaksanakan.
24. 65-100137
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkara-perkara pokok dalam dasar Pendidikan Tinggi Nasional.

25. 30-100561
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah usaha untuk mempertingkatkan pangkat (Gred) pegawai dan penyelia di Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pegawai Pelajaran Daerah (PPD) akan dilaksanakan bagi memastikan arahan dan kelangsungan tugas dapat dilakukan oleh pegawai dan penyelia kepada pihak bawahan yang kadang kala mempunyai gred / pangkat yang lebih tinggi daripada mereka.
26. 29-100203
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah projek-projek Kerajaan yang telah dilaksanakan siap dan diserahkan kepada jabatan dan klien yang mana kontraktor dan subkontraktor belum dibayar dan mengapa, serta berapakah jumlah kontraktor kelas A, B, C, D, E dan F yang terlibat.
27. 70-100053
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah sikap Kerajaan Malaysia selaku Ketua Negara OIC terhadap kecaman Perdana Menteri Thailand kepada Setiausaha Agung OIC supaya meneliti semula Al-Quran berikutan kenyataan Setiausaha Agung OIC berhubung keganasan berterusan ke atas umat Islam di Selatan Thailand.
28. 54-100075
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sama ada terdapat peningkatan dari segi penguatkuasaan dan juga memantau harga barangan semenjak kenaikan harga diesel terutama sekali di kawasan pedalaman Sarawak dan berapakah jumlah peniaga yang telah didapati bersalah.
29. 39-100197
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan punca-punca kemerosotan pencapaian Institusi-Institusi Pengajian Tinggi di peringkat antarabangsa dan adakah ianya juga berpunca dari kelemahan sistem pendidikan atau pelajar itu sendiri.
30. 60-100428
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan:-
- (a) mengapakah Malaysia tidak menandatangani 'Konvensyen Antarabangsa mengenai Pelarian', sedangkan pejabat UNHCR dibenarkan wujud di Malaysia; dan
 - (b) tidakkah ini menyulitkan Malaysia terutamanya dalam menghadapi isu pelarian politik daripada negara luar seperti daripada Selatan Thailand, Myanmar dan Aceh yang sering memohon suaka politik di Malaysia.

31. 49-100535
Dato' Omar bin Faudzar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-
- (a) kadar peratusan terkini pengangguran di dalam negara; dan
 - (b) daripada jumlah tersebut, berapakah peratusan bagi bumiputera.
32. 19-100020
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan berapa ramaikah Duta-duta yang telah bersara disambungkan kontrak perkhidmatan mereka. Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai bagi melanjutkan kontrak mereka selepas wajib bersara.
33. 76-100525
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada kajian dilakukan untuk memastikan keberkesanan kempen anti-merokok di kalangan rakyat negara ini. Jika ia, sejauh manakah kesannya.
34. 20-100399
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) bilangan pelajar yang tidak dapat menguasai 3M di peringkat sekolah rendah dan menengah; dan
 - (b) apakah langkah-langkah pro-aktif bagi menangani masalah ini terutama bagi pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar.
35. 38-100357
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pampasan yang telah dibayar oleh Kerajaan kepada para pekerja asing yang meninggal dunia atau hilang upaya bagi tahun ini.
36. 57-100362
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah mahasiswa yang semakin berani meminta kebebasan kampus khususnya untuk mendapatkan sistem pemilihan kampus yang lebih demokratik sehingga boleh menyalahi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).
37. 56-100116
Dato' Rhina Bhar minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil Malaysia sebagai pengerusi OIC untuk memberi pemahaman yang lebih jelas di antara negara-negara Islam dan negara-negara Barat khususnya berkenaan dengan isu keganasan.

38. 50-100576
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah pandangan Kerajaan terhadap persepsi dunia yang mendakwa pembelian persenjataan negara dan kelengkapan canggih seumpama memperlengkapkan diri untuk menjadi satu kuasa besar di rantau ini.
39. 20-100385
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (a) bilangan penghulu/batin Orang Asli di seluruh negara dan elaun yang diterima mengikut kategori; dan
 - (b) adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan elaun batin/penghulu sejajar dengan tugas mereka yang semakin mencabar.
40. 74-100107
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah fungsi Lembaga Perkhidmatan Luar Pesisir Labuan (LOFSA). Adakah penubuhan LOFSA benar-benar memanfaatkan pembangunan ekonomi di Wilayah Persekutuan Labuan, memandangkan "Off Share Bank" ini hanya beroperasi secara kecil-kecilan dan tidak mempunyai kakitangan yang ramai.
41. 74-100104
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan kejatuhan kedudukan Universiti Malaya secara mendadak di kalangan 200 Universiti Utama Dunia baru-baru ini. Apakah strategi Kementerian untuk memperbaiki kedudukan ini.
42. 75-100583
Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah barang-barang tiruan dalam semua kategori yang telah dikesan di pasaran kita antara tahun 1999 - Jun, 2005 dan apakah strategi yang telah dan sedang dirancang bagi menangani masalah tersebut bagi mengelakkan pengeluar asli dan pengguna mengalami kerugian dan nyatakan anggaran jumlah kerugian yang dialami oleh kedua-dua pihak dalam tempoh tersebut.
43. 45-100473
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan para siswazah tiada kemahiran hidup sebagai salah satu punca ramai siswazah yang menganggur.

44. 37-100003
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan para pelabur runcit semakin menjauhkan diri daripada kegiatan Bursa Malaysia dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempertingkatkan penyertaan pelabur-pelabur runcit dalam masa terdekat.
45. 72-100607
Dato' Kamarudin bin Ambok minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak Kementerian dalam memastikan kualiti pengajian dan pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta di negara ini setanding atau mampu bersaing dengan Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara khususnya di negara-negara maju.
46. 17-100151
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan harga purata dan julat harga minyak petroleum mentah yang dieksport oleh Petronas pada tahun ini dan apakah perbezaan antara harga eksport dengan harga minyak petroleum mentah sedunia.
47. 45-100483
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan jumlah jam purata guru-guru bertugas setiap minggu dan mengapakah guru-guru tidak mendapat keistimewaan untuk cuti dua hari seminggu.
48. 46-100213
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah nilai perniagaan bank dan Institusi Kewangan Persisiran (Off-shore Bank and Financial Institution) sejak tahun 2003 dan sejauh manakah ianya menyumbang kepada ekonomi negara.
49. 43-100276
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramaikah graduan menganggur menyertai Skim Latihan Graduan (SLG) mengikut negeri seluruh Malaysia dan berapa banyakkah kekosongan yang tidak diisi dan mengapa.
50. 30-100571
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah graduan menganggur yang tidak mempunyai pekerjaan di kalangan graduan tempatan.

51. 37-100011
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-
- (a) peratusan belia yang masih belum menyertai mana-mana pertubuhan belia dan apakah statistik ini menunjukkan kelemahan para pemimpin belia dan organisasinya memainkan peranan mereka secara berkesan; dan
 - (b) apakah pendirian Kerajaan terhadap wujudnya organisasi belia yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin veteran termasuk mereka yang sudah melebihi umur persaraan.
52. 7-100182
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan-rancangan khas untuk orang-orang keturunan India supaya Kerajaan dapat meningkatkan penyertaan kaum ini di semua bidang termasuk ekuiti 3%. Adakah dicadangkan untuk menubuhkan Yayasan Amanah India supaya dapat melabur di dalamnya.
53. 62-100625
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini projek-projek pembangunan di negeri Kelantan dan berapakah projek yang masih terbengkalai dan mengapa. Apakah strategi Kerajaan di dalam memastikan semua projek-projek ini dapat disiapkan dan membawa kepada pembangunan Kelantan.
54. 79-100545
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik mengenai jumlah ekuiti yang dimiliki oleh setiap kaum dalam ekonomi negara.
55. 19-100034
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah jaminan yang diperolehi dan langkah diplomatik yang diambil Kerajaan bagi memastikan keselamatan 131 orang rakyat Thailand yang melarikan diri ke Malaysia dan kini dirujuk semula kepada Kerajaan Thailand.
56. 65-100136
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada Malaysia perlu mempunyai tanda arasnya (benchmark) sendiri untuk mengukur dan memantau prestasi universiti-universiti awam tempatan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|---|-----------------------------------|
| 1. | (D.R. 23/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan 2006 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 2. | (D.R. 29/2005) | Rang Undang-undang Warisan
Kebangsaan 2005 | |
| 3. | (D.R.30/2005) | Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 | “ |
| 4. | (D.R.27/2005) | Rang Undang-undang Kewangan 2005 | “ |
| 5. | (D.R.31/2005) | Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan
(Pindaan) 2005 | “ |
| 6. | (D.R. 22/2005) | Rang Undang-undang, Undang-undang
Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah
Persekutuan) (Pindaan) 2005 | “ |
| 7. | (D.R. 24/2005) | Rang Undang-undang Perlembagaan
(Pindaan) (No. 2) 2005 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.133	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.3) 2005 - P.U.(A) 370 bertarikh 30 September 2005	12 Disember 2005
ST. 134	Perintah Duti Kastam (Barang-barang Berasal dari Negeri-negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No. 4) 2005 - P.U. (A) 371 bertarikh 30 September 2005	12 Disember 2005
ST. 135	Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2005 P.U. (A) 372 bertarikh 30 September 2005	12 Disember 2005
ST. 136	Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) 2005 - P.U. (A) 373 bertarikh 30 September 2005	12 Disember 2005
ST.146	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah(Pengecualian) (No.2) 2005 - P.U.(A) 181 bertarikh 5 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.147	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan(Elaun Modal Dipercepatkan) (Jentera dan Peralatan bagi Sektor Pertanian) 2005 -P.U.(A) 188 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.148	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.18) 2005 - P.U.(A) 189 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.149	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.19) 2005 - P.U.(A) 190 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.150	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.20) 2005 - P.U.(A) 193 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.151	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.21) 2005 -P.U.(A) 194 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.152	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.22) 2005 -P.U.(A) 195 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.153	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.23) 2005 -P.U.(A) 196 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.154	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.24) 2005 -P.U.(A) 197 bertarikh 12 Mei 2005 14.	12 Disember 2005
ST.155	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.25) 2005 -P.U.(A) 198 bertarikh 12 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.156	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.26) 2005 -P.U.(A) 227 bertarikh 16 Jun 2005	12 Disember 2005
ST.157	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Singapura) 2005 -P.U.(A) 200 bertarikh 19 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.158	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.27) 2005 P.U.(A) 233 bertarikh 23 Jun 2005	12 Disember 2005
ST.159	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.28) 2005 P.U.(A) 234 bertarikh 23 Jun 2005	12 Disember 2005
ST.160	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.29) 2005 P.U.(A) 233 bertarikh 23 Jun 2005	12 Disember 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.161	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.30) 2005 -P.U.(A) 236 bertarikh 23 Jun 2005	12 Disember 2005
ST.162	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.31) 2005 -P.U.(A) 250 bertarikh 7 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.163	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Sumbangan Untuk Membiayai Penyertaan Malaysia Dalam Suatu Pameran Antarabangsa) 2005 -P.U.(A) 253 bertarikh 14 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.164	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.32) 2005 -P.U.(A) 254 bertarikh 14 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.165	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.33) 2005 -P.U.(A) 255 bertarikh 14 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.166	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.34) 2005 -P.U.(A) 256 bertarikh 14 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.167	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.35) 2005 -P.U.(A) 265 bertarikh 21 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.168	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.36) 2005 -P.U.(A) 266 bertarikh 21 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.169	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Pelaburan Dalam Suatu Projek Pengkomersialan Dapatan Penyelidikan Dan Kemajuan) 2005 -P.U.(A) 269 bertarikh 28 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.170	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport Perkhidmatan Profesional) (Pindaan) 2005. -P.U.(A) 270 bertarikh 28 Julai 2005	12 Disember 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.171	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport Perkhidmatan) (Pindaan) 2005 -P.U.(A) 271 bertarikh 28 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.172	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Penggalakan Eksport Perkhidmatan) (Pindaan) (No.2) 2005. -P.U.(A) 272 bertarikh 28 Julai 2005	12 Disember 2005
ST.173	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.37) 2005 -P.U.(A) 286 bertarikh 11 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.174	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.38) 2005 -P.U.(A) 287 bertarikh 11 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.175	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.39) 2005 -P.U.(A) 288 bertarikh 11 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.176	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Perbelanjaan Ladang Yang Layak) 2005 -P.U.(A) 289 bertarikh 11 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.177	Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah(Pengecualian) (No.3) 2005 -P.U.(A) 290 bertarikh 11 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.178	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.40) 2005 -P.U.(A) 307 bertarikh 25 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.179	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.41) 2005 -P.U.(A) 308 bertarikh 25 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.180	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.42) 2005 -P.U.(A) 309 bertarikh 25 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.181	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.43) 2005 -P.U.(A) 310 bertarikh 25 Ogos 2005	12 Disember 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.182	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.44) 2005 -P.U.(A) 311 bertarikh 25 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.183	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penerbitan Sekuriti Islam) 2005. -P.U.(A) 320 bertarikh 1 September 2005	12 Disember 2005
ST.184	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penerbitan Bersandarkan Aset) 2005. -P.U.(A) 321 bertarikh 1 September 2005	12 Disember 2005
ST.185	Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Penerbitan Sekuriti Islam Mengikut Prinsip <i>Istisna'</i>) 2005. -P.U.(A) 322 bertarikh 1 September 2005	12 Disember 2005
ST.186	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.45) 2005 -P.U.(A) 323 bertarikh 25 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.187	Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No.46) 2005 -P.U.(A) 324 bertarikh 25 Ogos 2005	12 Disember 2005
ST.188	Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Republik Afrika Selatan) 2005 -P.U.(A) 385 bertarikh 13 Oktober 2005	12 Disember 2005
ST. 189	Perintah Duti Kastam (Pindaan) 2005 -P.U. (A) 208 bertarikh 26 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.190	Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No.2) 2005 -P.U.(A) 209 bertarikh 26 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.191	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan)2005 -P.U.(A) 210 bertarikh 26 Mei 2005	12 Disember 2005
ST.192	Perintah Duti Kastam (Barang-Barang Berasal Dari Negeri-Negeri ASEAN) (Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN dan Tarif Keutamaan Sama Rata) (Pindaan) (No.2) 2005 -P.U.(A) 211 bertarikh 26 Mei 2005	12 Disember 2005

<u>TAHUN</u> <u>2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.193	Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan Sementara) 2005 -P.U.(A) 242 bertarikh 23 Jun 2005	12 Disember 2005
ST.194	Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (No.2) 2005 -P.U.(A) 414 bertarikh 20 Oktober 2005	12 Disember 2005
ST.202	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2004	12 Disember 2005
ST. 206	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga (Penyelidikan dan Kemajuan) Perusahaan Timah Malaysia Bagi Tahun 2004	12 Disember 2005
ST. 207	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2004	12 Disember 2005